

28/07/2000

Al-Ma'unah cuba cetus ketegangan kaum

KOTA KINABALU, Khamis - Tindakan anggota kumpulan Al-Ma'unah menyeksa dan membunuh dua orang bukan Islam ketika tragedi di Sauk, Perak, baru-baru ini adalah cubaan kumpulan ajaran sesat itu untuk mencetuskan ketegangan kaum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata tindakan itu dilakukan kerana anggota kumpulan berkenaan terlalu bodoh membuat penilaian terhadap perasaan rakyat dan percaya kononnya orang Islam benci kepada bukan Islam.

"Mereka dipengaruhi perasaan benci dan marah disebabkan oleh kegiatan satu kumpulan yang menimbulkan kebencian yang amat sangat kepada kerajaan berasas kepada fitnah dan pembohongan.

"Oleh kerana itu, mereka berasa terlalu benci sehingga tidak tahu bagaimana perasaan orang lain terhadap kerajaan," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata perbuatan kumpulan Al-Ma'unah melakukan pemberontakan bersenjata bagi menjatuhkan kerajaan yang ada tidak mendapat sebarang sokongan rakyat.

Katanya, perbuatan kumpulan terbabit menyeksa dan membunuh dua orang bukan beragama Islam adalah dengan harapan supaya ia menimbulkan perasan marah masyarakat bukan Islam terhadap orang Islam.

(END)